

Pemikiran Luhur dalam Lirik Lagu Nyanyian M. Nasir

Noble Thoughts in Song Lyrics by M. Nasir

Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Kazime Zakaria

Unit Bahasa Melayu, SLCP, UUM Sintok.

ABSTRAK

Pemikiran luhur ialah pemikiran keagamaan yang berkaitan dengan aspek ketuhanan, ketauhidan dan kepercayaan terhadap seruan tuhan. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti lirik lagu yang mempunyai pemikiran luhur dan menghuraikan aspek pemikiran luhur yang terdapat dalam lirik lagu nyanyian M.Nasir. Analisis secara keseluruhan dilakukan bermula dari baris awal hingga akhir dalam lirik-lirik lagu nyanyian M.Nasir. Penekanan utama teori ini memberi fokus kepada penggunaan teori sastera yang menekankan aspek-aspek minda, rohani dan jasmani. Kaedah yang melibatkan kajian teks lirik lagu ini dipilih secara rawak. Seterusnya, data kajian dianalisis bersandarkan Teori Pemikiran Saintifik SPB4L. Keseluruhan pemilihan lagu yang menjadi fokus kajian mengandungi aspek pemikiran luhur. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat pemikiran luhur seperti dalam aspek kehidupan manusia, aspek keimanan, kekuasaan, akidah dan ketuhanan.

Kata kunci: Teori pemikiran saintifik SPB4L, pemikiran luhur, sastera, lirik lagu.

ABSTRACT

Noble thoughts are religious thoughts that relate to the divine aspect, godliness and belief in God's call. The purpose of the study is to identify the song lyrics that have high ideals and describe the aspects of noble thoughts contained in M. Nasir's songs. Overall analysis is done from the beginning to the end of the lyric of M. Nasir's songs. Literary theories were used to study the mind, spiritual and physical aspects. Textual study was used to study the song lyrics selected randomly. Subsequently, the data were analysed based on SPB4L Scientific Thinking Theory. The entire selection of the songs that became the focus of the study included aspects of noble thoughts. The findings show that there are noble thoughts as in the aspects of human life, such as the aspects of faith, power, creed and divinity.

Keywords: SPB4L scientific thinking theory, noble thought, literature, song lyrics.

1.0 PENGENALAN

Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003), dalam kemahiran berfikir terdapat pelbagai istilah bagi menerangkan makna berfikir dan gaya berfikir. Pemikiran boleh dibahagikan kepada pemikiran logikal, pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran analitikal, pemikiran reaktif, pemikiran historis, pemikiran hipotetikal, pemikiran proaktif, pemikiran konstruktif, pemikiran sistematis, pemikiran pragmatik, pemikiran negatif, pemikiran nilai, pemikiran emotif, pemikiran intuitif, pemikiran objektif, pemikiran vertikal, pemikiran konvergen dan pemikiran divergen. Secara umumnya, konsep pemikiran juga boleh hadir dalam sesebuah karya, termasuklah dalam lirik-lirik lagu. Melalui lirik lagu yang kreatif sebenarnya boleh mewakili perasaan manusia untuk menyampaikan pemikiran, emosi dan pengalaman hidup. Pemikiran saintifik oleh Mohd Yusof Hassan (2003), pemikiran telah dibahagikan kepada pemikiran luhur, pemikiran lahir, pemikiran logik dan pemikiran lateral. Pemikiran luhur adalah pemikiran yang berdasarkan kepada ketauhidan, keimanan dan ketakwaan. Pemikiran lahir pula menerangkan tentang kemampuan manusia untuk berfikir daripada peringkat dalam rahim semasa berusia enam (6) hari sehingga usia enam (6) tahun. Pada peringkat ini, proses minda manusia adalah sangat penting. Pemikiran logik adalah merupakan pemikiran yang berdasarkan ilmu-ilmu pasti, ilmu sains dan ilmu matematik. Pemikiran jenis ini memerlukan bukti serta hujah bagi membuktikan kebenaran sesuatu fakta, manakala Pemikiran Lateral sejenis pemikiran yang tidak mementingkan pada fakta-fakta logik atau fakta kebenaran tetapi lebih mementingkan kreativiti, imaginasi, rekaan dan khayalan semata-mata.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut Shukri Ismail (2002), kemahiran berfikir ialah suatu proses menggunakan minda manusia sama ada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah. Kajian yang seterusnya telah dihasilkan oleh Fauzi Rahman (2011) yang bertajuk Perbandingan gaya bahasa dan bahasa kiasan lirik lagu oleh kumpulan *Peterpan* dalam album Alexandria dan pemilihan lirik lagu *Ungu* dalam album Melayang serta aplikasinya dalam pembelajaran Bahasa Indonesia di Sekolah Menengah Atas. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk mengetahui perbandingan penggunaan bahasa dan bahasa kiasan yang terdapat dalam lagu *Peterpan* tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa daripada 107 penggunaan gaya

bahasa, terdapat 50 perkataan yang menggunakan bahasa kiasan tersebut adalah bertujuan bagi menyampaikan apa yang tersurat dan juga tersirat. Kebanyakan pengkaji mengkaji tentang nilai luhur atau nilai-nilai murni yang terdapat pada lirik-lirik lagu. Kebanyakan kajian yang dijalankan terhadap lirik lagu sama ada di dalam atau luar negara, kebanyakannya berkisar kepada nilai-nilai baik yang perlu diikuti oleh manusia tanpa mengira agama. Setiap manusia mestilah percaya pada agama dan melakukan kerja-kerja kebaikan untuk manusia sejagat.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti lirik-lirik lagu M. Nasir yang mempunyai pemikiran luhur
- ii. Menghuraikan pemikiran luhur yang terdapat dalam lirik-lirik lagu M. Nasir.

Antara lagu-lagunya ialah Kepadamu Kekasih, Insan dan Manikan, Hijab Kekasih, Di Balik Cermin Mimpi, Kupu-kupu, Dedaun Masa, Bila Rumi Menari, Impian Jalanan, Bukalah Hatimu, Hati Emas, Falsafah Cinta, Dua Insan, Ada, Aduhai Kekasih Aduhai, Akar Kita, Masirah, Anak-anak kita dan Andalusia.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Maklumat dan data-data yang diperoleh akan dikumpul untuk dianalisis bagi menjawab objektif yang dikehendaki. Menurut Mohamed Sharif (2001), menganalisis data adalah bertujuan untuk mencari makna dalam data-data yang dikaji. Cara menganalisis data dijalankan secara sistematik. Dapatkan yang diperoleh akan disusun bagi mendapatkan maklumat keseluruhan data. Setiap baris ayat yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut diteliti dan dianalisis. Kaedah analisis yang dilakukan berkaitan teks lirik-lirik lagu yang terpilih dan dihuraikan mengikut Teori yang telah ditetapkan oleh Mohd Yusof Hassan (2003). Setiap baris dianalisis bagi memperoleh makna yang terdapat di dalam lagu tersebut. Pemilihan secara rawak dilakukan terhadap lagu-lagu M. Nasir. Perkataan luhur yang digambarkan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003) adalah banyak menyentuh tentang kehidupan, kepercayaan dan menyuruh supaya berbuat baik dan melarang melakukan kejahatan. Pemikiran luhur dalam hal ini juga berlandaskan al-Quran dan sunnah. Dalam al-Quran dan sunnah menyentuh tentang kehidupan seperti tauhid dan seluruh kehidupan manusia untuk bekalan kehidupan di dunia dan juga kehidupan di akhirat. Pemikiran luhur memerlukan akal dan fikiran untuk berfikir tentang kehidupan baik atau buruk. Allah SWT berkehendakkan kehidupan manusia menggunakan akal fikiran bagi menjalani kehidupan.

5.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui baris yang terdapat dalam nyanyian M. Nasir yang bertajuk *Kupu-kupu* mempunyai gambaran mengenai pemikiran luhur. Berdasarkan teori pemikiran sainstifik SPB4L melalui lagu kupu-kupu yang dimaksudkan adalah mempunyai gambaran tentang kehidupan manusia. Dalam teori ini menjelaskan tentang orang Islam mempunyai dua peranan, iaitu sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah. Dalam baris lagu *Kupu-kupu* tersebut menggambarkan tentang manusia adalah hamba kepada Allah SWT.

Data Pertama:

Aku kecil dan tak kuasa,
Ku tak kuasa,
Ku tak kuasa,
Namun mataku dapat terlindung,
Dari melihat akan kecurangan.

(Kupu-kupu, M.Nasir).

Daripada ayat dalam lirik tersebut, iaitu **Ku tak kuasa** menunjukkan bahawa terdapatnya unsur luhur dalam lirik lagu tersebut. Gambaran ini menjelaskan kepada kita bahawa manusia itu sendiri tidak berkuasa seperti Tuhan yang memerintah alam ini. Dalam rangkap yang terakhir dalam data lagu pertama ini juga menunjukkan tentang kekuasaan. Kekuasaan yang dimaksudkan adalah mengenai kekuasaan Allah SWT kepada makhluk. Manusia tidak berkuasa, yang berkuasa hanya Allah SWT. Manusia hanya mampu melihat kemungkinan tetapi tidak mampu mengubah segalanya. Sehubungan dengan itu, dalam lirik lagu ini juga jelas menunjukkan bahawa kehidupan manusia tidak kekal selama-lamanya dan ini dibuktikan dalam dalam rangkap yang terakhir lirik tersebut, iaitu aku di sini hanya sementara waktu.

Data Kedua:

Yang salah tetap salah,
Walau diselindungkan,
Dari itu jangan kau tangkap aku,
Aku di sini hanya sementara waktu.

Aku di sini hanya sementara waktu membawa kepadauraian bahawa wujudnya sifat luhur yang dikemukakan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003) yang berkaitan tentang kekuasaan Allah SWT. Manusia hanya hidup sementara di dunia dan tidak kekal selamanya. Hal berkaitan dengan kemanusiaan juga terdapat dalam

lirik lagu ini. Sebagai contoh, dalam lirik tersebut menggambarkan perihal hamba dengan khalifah, dunia dan akhirat, kebaikan dan kejahatan, kesengsaraan dan penderitaan dapat dianalisis dalam lagu *Ada*. Data lagu kedua ini dapat menjelaskan tentang kesengsaraan dan penderitaan yang dialami tanpa dihiraukan oleh golongan tertentu. Kelaparan, kesengsaraan, penderitaan sering sahaja berlaku. Seperti dalam data ketiga di bawah:

Data Ketiga:

Ribut datang memperkosa,
Sesal nyawa dalam jiwa,
Beli roti kering,
Jalan pulang,
Yang kau fikirkan.

(Ada, M.Nasir)

Melalui data lagu *Ada*, rangkap di atas jelas manggambarkan tentang kesengsaraan dan penderitaan yang dialami oleh manusia. Selain itu, dalam setiap kehidupan menunjukkan bahawa setiap manusia mempunyai hak yang sama. Hal ini dapat digambarkan dalam rangkap yang terakhir. Setiap kehidupan masih ada lagi hak ke atas golongan-golongan ini, contohnya dalam data keempat di bawah.

Data Keempat:

Dalam hutan,
Ada taman,
Ada puterinya.
Dalam baju,
Ada cinta,
Dan dalam cinta,
Ada segala-galanya.
Dalam awan,
Ada hujan.

(Ada, M.Nasir)

Dalam data ini, jelas menunjukkan ayat ada segala-galanya membawa maksud bahawa manusia tidak mempunyai kuasa kerana setiap situasi ada pemilik dan ada pencipta yang menguasai segalanya. Kenyataan ini mempunyai persamaan dengan teori yang dikemukakan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003), manakala lagu *Aduhai Kasih* ialah sebuah lagu yang membicarakan tentang cinta. Cinta yang digambarkan dalam lirik ini adalah menggambarkan cinta hamba kepada Allah SWT dan cinta manusia dengan manusia. Hal ini berdasarkan pemikiran luhur

SPB4L daripada perspektif yang ketiga, iaitu menghuraikan bahawa dalam al-Quran menyentuh pelbagai aspek, iaitu politik, ekonomi, pendidikan, sains, ilmu pengetahuan, kemasyarakatan dan kemanusiaan. Berdasarkan lirik lagu *Aduhai Kasih*, ia menyentuh tentang cinta manusia sesama manusia. Kesetiaan dan kejujuran dalam perhubungan tidaklah semudah yang digambarkan. Cinta ini dianggap sebagai mimpi dan cinta yang sejati adalah amat sukar ditemui. Keadaan tersebut amat bertepatan dengan teori pemikiran luhur yang dikemukakan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003). Dalam teori tersebut telah menyentuh tentang kemanusiaan.

Dalam lagu *Akal Kita* seperti dalam lampiran menjelaskan tentang pemikiran yang mendalam dan berfikiran jauh. Manusia dikurniakan akal fikiran untuk berfikir. Pemikiran yang baik akan dapat menyelesaikan pelbagai masalah dengan begitu mudah. Ini digambarkan dalam lirik lagu bertajuk *Akal Kita* dalam rangkap terakhir seperti dalam data kelima di bawah.

Data Kelima:

Hati tak resah atau rasa gundah
Bila jejari membenam air mata
Itulah pesan Lokman
Pada putarannya di waktu dua
Dia pergi mencari suara emas.

(Akal Kita, M.Nasir)

Pemikiran yang digambarkan dalam data kelima lirik lagu di atas jelas bertepatan dengan teori pemikiran saintifik SPB4L yang membincarakan tentang pemikiran. Dalam kajian ini, penulis lirik mengajak supaya kita menggunakan akal fikiran untuk mencapai sesuatu keputusan yang positif, dengan menggunakan akal fikiran menjadikan kita dapat mengatasi semua masalah yang dihadapi. Jelas lirik lagu *Akal Kita* yang dinyanyikan oleh M. Nasir menerangkan tentang keperluan menggunakan akal untuk mengatasi atau menyelesaikan semua masalah.

Walau bagaimanapun, lagu seterusnya *Impian Anak Jalanan* yang dinyanyikan oleh M. Nasir menerangkan tentang pemikiran luhur, iaitu berkaitan dengan aspek-aspek kehidupan. Berdasarkan kajian lagu ini menceritakan tentang kehidupan bagi mencapai cita-cita. Di samping itu, terdapat unsur-unsur luhur dalam lirik lagu tersebut dapat digambarkan dalam rangkap data keenam di bawah.

Data Keenam:

Berdendang anak jalanan
Berdendang dengan rentak kehidupan
Ku mohon perlindungan-Mu yang Maha Esa.
(Impian Anak Jalanan, M.Nasir)

Dalam baris ayat ku mohon perlindungan-Mu yang Maha Esa jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur luhur tentang kepercayaan dalam lagu *Impian Anak Jalanan*, Ku mohon perlindungan-Mu yang Maha Esa menjelaskan kepada kita mengenai penyerahan diri kepada Allah SWT supaya dapat memenuhi cita-citanya. Ini bersesuaian dengan teori pemikiran luhur bahawa al-Quran menyentuh berbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kajian lirik lagu yang bertajuk *Masirah* yang menyentuh tentang kemasyarakatan dan politik. Hal ini telah digambarkan dalam perspektif yang ketiga pemikiran luhur dalam Islam yang dikemukakan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003). Dalam perspektif yang ketiga adalah berkaitan dengan politik, ekonomi, kemanusiaan dan sebagainya. Dalam lirik lagu *Masirah* menceritakan tentang peperangan, nyawa dan suka duka di Gaza ini dapat dilihat pada rangkap pertama seperti dalam data ketujuh lagu di bawah.

Data Ketujuh:

Suara dalam angin Gaza
Gegar jantung bumi kita
Nyawa anak dihujung senjata
Tangisan bonda hanya sia-sia.

(Masirah, M.Nasir)

Penderitaan penduduk Gaza telah diceritakan dalam lirik lagu *Masirah*. Akhirnya dalam lirik lagu ini mengharapkan perjuangan penduduk Gaza agar mendapat pembelaan. Seterusnya, kajian pemikiran luhur dalam lirik lagu *Andalusia*. Lirik lagu *Andalusia* yang dinyanyikan oleh M. Nasir adalah menceritakan tentang politik dan kemasyarakatan di Andalusia. Sejarah kegemilangan *Andalusia* telah hilang dan perlu kegemilangannya itu sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sebagainya. Ini dapat digambarkan dalam rangkap yang terakhir dalam data kelapan di bawah.

Data Kelapan:

Apakah sudah kering lautan darah
Yang tertimbus di Al-Hambra
Ataupun masih bergelora menanti saat
Melimpah mengikut mata air.

(Andalusia, M.Nasir).

Dalam lirik lagu data kelapan ini juga diselitkan perkataan-perkataan Arab bagi menggambarkan pemikiran luhur yang digambarkan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003). Perkataan Arab yang digunakan seperti "*Antal hadiantal haqqu, laisal hadi illahu*". Ia digambarkan bahawa terdapatnya pemikiran luhur yang menyentuh tentang kemasyarakatan dan politik. Hasil kajian dan dapatan pengkaji terhadap lirik lagu yang bertajuk *Andalusia* nyanyian M. Nasir adalah terbukti mempunyai pemikiran luhur. Melalui kajian lagu ini menunjukkan kemakmuran, kemasyhuran dan kegemilangan agama Islam (**Melimpah mengikut mata air**). Berdasarkan lirik lagu Anak-anak Kita yang dinyanyikan oleh M. Nasir, menerangkan tentang kehidupan generasi baru adalah bergantung pada generasi lama. Generasi lama mencorakkan kehidupan generasi akan datang yang bakal diwarisi. Kita dapat lihat dalam lirik lagu dalam perenggan data kesembilan di bawah.

Data kesembilan:

Selamatkan anak kita
Dari padang jerangkap samar
Selamatkan anak kita
Orde baru politikus usang.

(Anak-anak Kita, M.Nasir)

Oleh itu, dalam baris selamatkan anak kita membawa maksud pemikiran yang luhur mengenai kehidupan anak-anak yang akan datang dalam menghadapi pelbagai dugaan. Maka langkah keselamatan harus ada bagi melindungi mereka. Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan kepada kita bahawa idea-idea yang ditulis di dalam lirik lagu yang dinyanyikan M.Nasir menggambarkan tentang kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan. Semua hal ini diatasi dengan mempunyai kepandaian dan kebijaksanaan dalam mengurus kehidupan.

6.0 KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa pemikiran luhur adalah pemikiran Islam yang berlandaskan kepada kehidupan di dunia dan juga bekalan untuk akhirat. Islam mementingkan kedua-dua akal dan hati untuk berfikir dalam menghadapi cabaran kehidupan. Islam menentang pemikiran yang berunsur kebendaan dan sekularisme yang hanya mementingkan dunia semata-mata.

Dalam lirik-lirik lagu nyanyian M. Nasir, terdapat unsur-unsur dakwah yang disampaikan sama ada dalam bentuk tersurat atau tersirat. Oleh yang demikian, lagu-lagu ini dapat dihayati di setiap baris-baris lagu untuk kesejahteraan dunia dan akhirat. Lagu-lagu nyanyian ini dapat meningkatkan lagi akidah Islam. Di samping itu juga, Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Islam memandang begitu tinggi bagi golongan berilmu dan ahli-ahli fakir. Pemikiran luhur mementingkan ilmu, minda dan hati.

Dalam lirik-lirik lagu dalam setiap data yang dianalisis menunjukkan adanya unsur-unsur nasihat, ketuhanan dan nilai-nilai moral yang baik. Penulis-penulis lirik bukan sahaja mencipta dan menulis lirik untuk nyanyian dan hiburan semata-mata, tetapi juga mempunyai mesej yang ingin disampaikan. Pemikiran luhur adalah pemikiran Islam yang terdapat di dalam lagu-lagu nyanyian M.Nasir. Ini terbukti wujudnya perkaitan di antara pemikiran saintifik SPB4L yang dikemukakan oleh Mohd Yusuf Hassan (2003). Pemikiran luhur yang digambarkan dalam lirik lagu yang dinyanyikan M.Nasir adalah mempunyai persamaan di antara beberapa kajian sebelum ini yang mengkaji pemikiran luhur dalam skop kajian yang berlainan seperti novel, pantun, syair, gurindam dan sebagainya. Dapatlah dirumuskan bahawa lagu-lagu nyanyian M.Nasir mampu menzahirkan pemikiran luhur.

RUJUKAN

- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2003). *Belajar Berfikir*. Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Fauzi Rahman. (2011). *Perbandingan Gaya Bahasa Dan Bahasa Kiasan Lirik Lagu Peterpan Dalam Album Alexandria Dengan Lirik Lagu Ungu Dalam Album Melayang*. Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan). Universiti Muhammadiyah Jakarta.
- Ismail Yusoff. (2009). *Pemikiran dan perjuangan Islam dan politik Nik Abdul Aziz bin Nik Mat*. Tesis Ph.D yang (tidak diterbitkan). Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

- Mohd Yusuf Hassan. (2003). *Pemikiran Saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Shukri Ismail. (2002). Kemahiran Sainstifik dan Kemahiran Berfikir: Suatu Analisis dalam Buku Praktikum.
- Maktab Perguruan Kuala Terengganu. (2001/2002). *Jurnal Akademik Jilid XIII*. Kuala Terengganu: Aspirasi Teras Sdn. Bhd.

LAMPIRAN LIRIK

http://www.liriklagu.com/liriklagu_jm/MNasir.html